



Rombak dasar perolehan terima inovasi baharu dihasilkan penyelidik

Oleh Ahmad Suhael Adnan - November 3, 2021 @ 12:18pm
ahmad.suhael@bh.com.my



Pelajar Sarjana Bioperubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Nur Amalina Ras menunjukkan replika tangan robotik hasil penyelidikan, inovasi dan sinergi antara kepakaran bidang kejuruteraan bioperubatan UTM bersama pereka tangan robotik, Sujana Mohd Rejab. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan dalam proses merombak dasar perolehan supaya lebih terbuka untuk menerima inovasi dan teknologi baharu yang dihasilkan penyelidik tempatan sama ada pihak universiti atau syarikat pemula.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Mohamed, mengakui dasar perolehan sedia ada terlalu menjurus ke arah teknologi yang sudah terbukti, sekali gus tidak memberi ruang untuk menggunakan inovasi baharu yang dihasilkan penyelidik tempatan.

"Berhubung dasar perolehan, saya mendapat banyak maklum balas mengenai penyelidikan yang sudah pun melalui proses prototaip dan berjaya.

"Inovasi itu kemudian dapat dipasarkan di luar negara, tetapi apabila mahu dibawa masuk ke dalam sistem perolehan kerajaan kita dapati agensi kita masih agak keberatan untuk menerima produk itu.

"Sesuatunya perlu dilaksanakan dan kerajaan akan mengambil tindakan berhubung perkara ini," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH-Kulim Bandar Baharu) yang membangkitkan isu sistem perolehan kerajaan yang tidak mengutamakan produk dan penyelidikan baharu kerana menjurus ke arah teknologi yang sudah terbukti.

Menjawab soalan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) yang bertanya apakah hasil kerjasama strategik melalui inisiatif Teknologi Tinggi Sentuhan Rendah (HTLT), Ahmad Amzad memaklumkan, MOSTI antaranya menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam projek aplikasi robotik.

Menerusi projek itu, katanya, aplikasi robotik berkenaan membantu menjalankan tugas harian petugas kesihatan seperti pembersihan lantai, membawa makanan dan mengangkut tong oksigen.

"Kita turut bekerjasama dengan FELDA untuk mewujudkan aplikasi robotik, dron dan kecerdasan buatan (AI) di ladang sawit untuk aktiviti penyemburan baja, racun serangga dan pemetaan kawasan.

"Selain itu (bekerjasama) dengan Perbadanan Muzium Melaka untuk menggunakan teknologi penderiaan jauh (remote sensing) untuk penerokaan arkeologi di bandar Melaka," katanya.